

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- 1 Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970 dan dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Mengapakah MAPEN ditubuhkan? (BUKU TEKS m.s. 164)
 - A Memajukan ekonomi negara
 - B Memupuk identiti kebangsaan
 - C Meningkatkan pendapatan negara
 - D Menggubal undang-undang negara
- 2 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun iaitu dari tahun 1971 hingga tahun 1990. Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru? (BUKU TEKS m.s. 167)
 - I Membasmi kemiskinan
 - II Menyusun semula masyarakat
 - III Menyeragamkan sistem kewangan
 - IV Menyekat kemasukan pelabur asing
 - A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- 3 Pada 20 Disember 1974, Tun Abdul Razak melancarkan Rancangan Buku Hijau. Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan? (BUKU TEKS m.s. 169)

- A Memajukan kawasan luar bandar
- B Meningkatkan pendapatan rakyat
- C Mempelbagaikan aktiviti ekonomi
- D Meningkatkan eksport komoditi negara

- 4 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ditubuhkan pada tahun 1973. Apakah peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)? (BUKU TEKS m.s. 169)

- A Membangunkan industri desa
- B Mengawal kualiti hasil pertanian
- C Menjalankan penyelidikan pertanian
- D Membantu petani dalam kegiatan koperasi

- 5 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) merupakan sebuah agensi kerajaan yang penting. Bagaimanakah RISDA membantu pekebun kecil dalam perusahaan getah di negara kita? (BUKU TEKS m.s. 169)

- I Menanam semula getah
 - II Menjalankan penyelidikan
 - III Membekalkan pekerja asing
 - IV Menyediakan kawasan penanaman getah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) adalah agensi yang memainkan peranan penting dalam rancangan pembangunan ekonomi negara. Apakah matlamat agensi tersebut? (BUKU TEKS m.s. 177)

- A Menggalakkan kegiatan industri desa
- B Menggalakkan pelaburan modal asing
- C Merangsang penglibatan sektor swasta
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

- 7 FELDA mengadakan kerjasama dengan Sarawak melalui pihak yang berikut.

Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA)

- Apakah tujuan kerjasama tersebut? (BUKU TEKS m.s. 171)

- A Membuka ladang kelapa sawit
- B Menanam semula pokok getah
- C Membawa masuk pekerja asing
- D Membuka zon perdagangan bebas

- 8 Mengapakah kerajaan memperkenalkan saham berikut? (BUKU TEKS m.s. 172)

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- Amanah Saham Bumiputera (ASB)

- A Membimbing kaum bumiputera dalam bidang perindustrian
- B Memudahkan bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad
- C Menggalakkan kaum bumiputera menceburkan diri dalam sektor perniagaan
- D Membolehkan kaum bumiputera meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa


9 Pertubuhan berikut telah ditubuhkan pada 17 Mac 1978. BUKU TEKS MIA 177

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Apakah tujuannya?

- A Meningkatkan pemilikan modal rakyat dalam syarikat berhad
- B Menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat
- C Memberi peluang kepada kaum bumiputera memiliki saham syarikat berhad
- D Memberi peluang kepada kaum bukan bumiputera dalam pemilikan modal saham

10 Rajah berikut menunjukkan program pembangunan wilayah.



Apakah tanaman komersial yang diusahakan oleh agensi di atas? BUKU TEKS MIA 177

- A Kopi dan teh
- B Nenas dan getah
- C Tembakau dan koko
- D Getah dan kelapa sawit

11 Senarai berikut merupakan syarikat tempatan yang menunjukkan kejayaan dalam sektor perindustrian.

- Best Farm Co
- Ramly Food Processing Sendirian Berhad
- Faiza Marketing Sendirian Berhad

Kejayaan yang dicapai oleh syarikat tersebut adalah melalui program BUKU TEKS MIA 177

- A Rancangan Buku Hijau
- B Amanah Saham Bumiputera
- C Industri Kecil dan Sederhana
- D Permodalan Nasional Berhad

12 Di bawah Dasar Ekonomi Baru, institusi pendidikan berikut telah ditubuhkan oleh kerajaan.

- Politeknik
- Universiti Teknologi Malaysia
- Institut Teknologi MARA

Apakah kesan daripada perkembangan institusi tersebut? BUKU TEKS MIA 177

- A Melahirkan golongan pekerja mahir
- B Mewujudkan perpaduan antara kaum
- C Mencetuskan daya saing dalam kalangan pelajar
- D Menarik pelajar asing untuk menuntut di negara kita

13 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

13 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh. Apakah matlamat DPN? BUKU TEKS MIA 177

- A Menarik pelaburan asing
- B Memajukan sektor pelancongan
- C Membangunkan kawasan luar bandar
- D Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu

14 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

14 Institusi berikut telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk memberi latihan kepada golongan belia.

- Pusat latihan Kemahiran Giatmara
- Institut Latihan Perindustrian

Apakah hasrat kerajaan melalui penubuhan institusi tersebut? BUKU TEKS MIA 177

- A Membasmi kemiskinan
- B Mewujudkan perpaduan
- C Meningkatkan hasil eksport
- D Menambah pemilikan saham bumiputera

15 Kerajaan telah membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Mengapakah pertubuhan tersebut dibentuk? BUKU TEKS MIA 177

- A Meningkatkan tenaga kerja
- B Menyusun semula masyarakat
- C Memberikan latihan kepada golongan belia
- D Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum

- 16 Di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN), kerajaan berusaha menggalakkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden.

Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan? (BUKU Teks m. 117)

- I Mempromosikan hasil
 - II Membekalkan pekerja asing
 - III Menyediakan kemudahan modal
 - IV Memberikan pendedahan teknologi terbaru
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 17 Dasar Penswastan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri keempat pada bulan Mac 1983.

Apakah matlamat dasar tersebut? (BUKU Teks m. 118)

- I Meningkatkan produktiviti
 - II Menaikkan kualiti perkhidmatan
 - III Memperhebatkan pembukaan tanah
 - IV Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 18 Antara berikut, yang manakah penswastan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikehendaki untuk bumiputera? (BUKU Teks m. 117)

- I Tenaga Nasional Berhad (TNB)
 - II Telekom Malaysia Berhad (TM)
 - III Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
 - IV Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 19 Penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menggunakan konsep pertanian pintar. Apakah kesan penggunaan konsep pertanian pintar? (BUKU Teks m. 117)

- A Penjimatan kos pertanian
- B Peningkatan hasil pertanian
- C Peluang pekerjaan bertambah
- D Pencemaran udara berkurangan

8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

- 20 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional telah berjaya membawa perubahan dalam pelbagai aspek.

Apakah pencapaian dasar tersebut? (BUKU Teks m. 118)

- I Penurunan kadar percukaian
 - II Penurunan kadar kemiskinan
 - III Peningkatan kualiti hidup rakyat
 - IV Peningkatan pemilikan modal saham orang asing
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 21 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional berjaya memberi kesan terhadap peningkatan taraf hidup rakyat.

Apakah buktinya? (BUKU Teks m. 118)

- A Peningkatan pekerja asing
- B Pengukuhan sistem politik
- C Lahirnya golongan bangsawan
- D Wujudnya golongan pertengahan

- 22 Senarai berikut merupakan tokoh bumiputera yang memberi sumbangan besar kepada negara kita.

- Tan Sri Mohd Effendi Norwawi
- Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari
- Tan Sri Mustapha Kamal

Mereka menceburkan diri dalam sektor (BUKU Teks m. 118)

- A korporat
- B koperasi
- C pertanian
- D pelancongan

- 23 Rajah berikut menunjukkan bandar baharu yang muncul kesan perkembangan ekonomi melalui DEB dan DPN.



Apakah faktor yang mempengaruhi kemunculan bandar baharu tersebut? (BUKU Teks m. 118)

- A Kegiatan perdagangan
- B Aktiviti rancangan FELDA
- C Kepesatan sistem perhubungan
- D Berhampiran pusat pentadbiran

- 24 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri perindustrian berteknologi tinggi? (BUKU Teks m. 118)

- I Modal besar
 - II Buruh ramai
 - III Lokasi strategik
 - IV Kemahiran tinggi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 25 Jadual berikut menunjukkan projek yang dilaksanakan di Malaysia.

Projek	Lokasi
Membaiki kapal	Limbungan Pasir Gudang
Besi dan keluli	Perai, Pulau Pinang
Loji gas cecair	Bintulu, Sarawak

Projek tersebut merujuk kepada

- A** industri ringan
B program penswastaan
C penyelidikan pertanian
D industri teknologi tinggi

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan perindustrian.



Apakah X?

- A** Estet Perindustrian
B Zon Perindustrian Bebas
C Kawasan Perindustrian Desa
D Taman Teknologi perindustrian


- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan yang berlaku di negara kita pada tahun 1980-an.

- Penubuhan *The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM)*
- *Rajjan Dasar Perindustrian Malaysia*

Apakah kesan daripada perkembangan tersebut?

- A** Peningkatan tenaga mahir
B Peningkatan perdagangan bebas
C Pertumbuhan estet perindustrian
D Pertumbuhan industri kereta tempatan

27



Berdasarkan maklumat tersebut, apakah X?

- A** Estet Perindustrian
B Zon Perindustrian Bebas
C Kawasan Perindustrian Desa
D Taman Teknologi perindustrian

- 28 Senarai berikut merujuk kepada Zon Perindustrian Bebas.

Pelabuhan Pasir Gudang, Johor

Bayan Lepas, Pulau Pinang

Sama Jaya, Kuching, Sarawak

Mengapakah Zon Perindustrian Bebas menjadi tarikan pengusaha?

- A** Pelepasan cukai
B Kedudukan strategik
C Kepadatan penduduk
D Penggunaan teknologi tinggi

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan industri kenderaan buatan Malaysia.

- Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON)
- Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA)
- Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS)

Apakah sumbangan industri tersebut terhadap perkembangan ekonomi negara?

- I** Menyediakan peluang pekerjaan
II Meningkatkan taraf hidup rakyat
III Membangunkan kawasan luar bandar
IV Menyatupadukan rakyat pelbagai kaum
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV